

**TEKS UCAPAN YB. MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**PERJUMPAAN KHAS PENJAWAT AWAM KPKT BERSAMA YB.  
MENTERI – 3.30 PETANG , 26 MEI 2015  
DEWAN KRISTAL, KPKT**

Saudara/saudari pengacara majlis,

Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique,  
Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan (KPKT)

Yang Berbahagia Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak,  
Ketua Setiausaha KPKT

Yang Berbahagia Dato' Halimi bin Abd. Manaf,  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)

Yang Berbahagia Dato' Dr. Tam Weng Wah,  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT

Yang Berbahagia Datuk Hj. Mohammad bin Mentek  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT

Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Unit  
dan seluruh warga kerja KPKT yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia,

1. Terlebih dahulu, pada petang yang berbahagia ini, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat kita berkumpul pada petang ini bagi mengadakan Majlis Perjumpaan Khas Bersama Penjawat Awam KPKT Sempena Persaraan YBhg. Dato' Seri KSU.

Saudara dan saudari sekalian,

2. Sesungguhnya masa berlalu begitu pantas. Pejam celik, pejam celik, kita sudah menghampiri pertengahan tahun 2015. Hanya tinggal 7 bulan sahaja lagi sebelum kita memulakan tahun 2016 yang merupakan tahun bermulanya Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) sebuah fasa penting dan terakhir untuk mencapai visi 2020. RMK-11 memberi tumpuan kepada agenda pelaburan untuk kepentingan rakyat selaras dengan matlamat Negara untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.
3. Peranan dan sumbangan Kementerian ini juga penting dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat khususnya untuk warga bandar. Pelbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan daya huni bandar. Bandarlah pusat pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Bandarlah terletakinya pelbagai peluang pekerjaan, pusat aktiviti sosial dan tempat bagi menarik kemasukan pelabur asing. Bandarlah tertubuhnya institusi pengajian tinggi yang menjana ilmu ke seluruh Negara. Bandarlah

juga lah tempat pembangunan sebuah masyarakat selaras arus pemodenan yang kian rancak. Lantas, program pelancaran Jawatankuasa Perwakilan Penduduk yang akan dilancarkan YAB Perdana Menteri pada jumaat ini (29 Mei 2015) dilihat menjadi pemangkin kepada usaha Kementerian memperkasa perkembangan penduduk bandar.

4. Berimpak tinggi, pelaksanaan pantas dan beri nilai untuk wang (*value for money*) merupakan 3 ciri utama yang perlu diberi perhatian oleh semua ketua jabatan dan bahagian dalam melaksanakan apa jua projek ataupun inisiatif di KPKT dalam pembangunan sebuah bandar. Golongan sasar perlu menerima impak optimum daripada setiap inisiatif yang telah dilaksanakan. Setiap pegawai yang telah diamanahkan untuk merancang serta melaksanakan setiap inisiatif tersebut, perlu peka terhadap keperluan golongan sasar di samping sentiasa memahami aspirasi golongan pemegang taruh (*stakeholder*).

Saudara dan saudari sekalian,

5. Saya ingin melihat warga kerja KPKT untuk sentiasa kreatif dan berinovatif agar setiap tugas dapat disempurnakan dengan cepat dan mudah. Seluruh warga kerja KPKT juga hendaklah memberikan idea-idea yang baharu di luar kelaziman bagi meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan Kementerian ini. Oleh itu, setiap ketua jabatan, bahagian dan unit mesti mendengar dan menerima apa jua cadangan daripada warga

kerja masing-masing. Jika cadangan tersebut baik dan boleh memberi nilai tambah, maka laksanakanlah untuk manfaat bersama.

6. Di samping bersikap kreatif dan inovatif semasa buat sebarang tugas, gunakanlah segala platform sedia ada di laman media sosial kini bagi berinteraksi dengan pengguna dan berhubung dengan rakyat. Dunia bergerak pantas, dan jika kita tidak bergerak selari dengan kemajuan teknologi ini, kita akan jauh ketinggalan. Rakyat perlu tahu perkara-perkara dan inisiatif yang telah, akan ataupun sedang Kementerian ini laksanakan untuk kesejahteraan rakyat. Kegagalan kita menyampaikan maklumat secara cepat dan tepat akan menimbulkan pelbagai keraguan mengenai keupayaan kita memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Saudara dan saudari sekalian.

7. Selain menyampaikan hasrat terkini pihak pengurusan berhubung tanggungjawab Kementerian dalam mengharungi isu-isu semasa, majlis pada petang ini juga amat bermakna sekali bagi kita sama-sama memberi penghormatan kepada YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak yang bakal bersara sebagai KSU Kementerian ini. Saya mewakili seluruh warga kerja Kementerian ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga dan setinggi-tinggi penghargaan di atas sumbangan serta jasa baik YBhg. Dato' Seri curahkan sepanjang tempoh beliau sebagai KSU di Kementerian ini. Sejak bertugas sebagai menteri di Kementerian ini pada tahun 2013, saya dan Yang Berhormat

Timbalan Menteri telah menerima kerjasama dan sokongan yang amat baik sekali daripada YBhg. Dato' Seri KSU dan juga seluruh warga Kementerian dalam menjayakan visi dan misi Kementerian ini. Nasihat serta pandangan yang diberikan oleh YBhg. Dato' Seri KSU, serta pasukannya banyak membantu saya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam membuat keputusan dasar berhubung bidang tugas dan hala tuju Kementerian ini.

8. Pelbagai kejayaan penting telahpun kita capai bersama dan banyak didokong oleh Ybhg Dato' Seri. Antaranya adalah kecekapan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan, Pusat Setempat (OSC), Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), Rumah Transit 1Malaysia, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*), Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), dan pelbagai lagi sumbangan Ybhg Dato' Seri KSU beri kepada Kementerian ini. Usaha Dato' Seri ini dilakukan untuk meningkatkan kualiti hidup dan kejahteraan rakyat.
9. Saya berharap agar YBhg. Dato' Seri akan sentiasa dikurniakan kesihatan yang sempurna dan ceria dalam mengharungi masa-masa pasca KPKT bersama keluarga tercinta. Saya percaya berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi sepanjang menabur khidmat sebagai penjawat awam, YBhg. Dato' Seri boleh beri sumbangan kepada negara melalui pentas ataupun platform yang lain. Sesungguhnya pengalaman dan pengetahuan yang berguna oleh Ybhg Dato' Seri merupakan sesuatu yang amat tinggi nilainya.

10. Seperti kata guru dalam bidang pengurusan, Peter F. Drucker, *“Management is doing things right; leadership is doing the right things”*. Saya amat percaya, KSU yang baharu akan dapat mengambil alih tugas yang ditinggalkan dengan mudah dan berkesan kerana YBhg. Dato’ Seri Arpah telah berjaya mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan pasukan kerja yang mantap di Kementerian ini. Saya berharap KSU yang baharu dapat meneruskan legasi kecemerlangan tersebut. Budaya kerja berpasukan dan sentiasa bermuafakat dalam menangani isu-isu yang berkaitan merupakan faktor utama kejayaan sesebuah organisasi.-Patah tumbuh hilang berganti- Diharapkan KSU yang baharu dapat memantapkan lagi budaya kerja berpasukan dan berprestasi tinggi di Kementerian ini. Setiap isu dan cabaran yang mendatang hendaklah ditangani secara bijaksana tanpa mengenal erti putus asa.

Saudara dan saudari sekalian,

11. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada petang ini, sama-sama kita berdoa dan berusaha dengan gigih tanpa rasa jemu untuk menjadikan Kementerian ini sebagai sebuah organisasi yang sentiasa cemerlang serta relevan dengan tuntutan semasa. Melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh integriti merupakan suatu ibadah yang amat dituntut. Akhir kata, saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan seluruh warga kerja KPKT sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada

YBhg. Dato' Seri Arpah di atas sumbangan serta jasa baik yang telah beliau curahkan sepanjang tempoh memegang jawatan KSU di Kementerian ini. Semoga YBhg. Dato' Seri dan keluarga sentiasa mendapat rahmat dan perlindungan Allah S.W.T serta terus maju jaya dalam apa jua bidang yang bakal diceburi nanti.

12. Tuai padi antara masak,  
Esok jangan layu-layuan,  
Intai kami antara nampak,  
Esok jangan rindu-rinduan.

Bunga mawar di atas para,  
Di bawa pergi puteri kayangan.  
Jasa budi tidak dilupa,  
Jadi kenangan dalam ingatan.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.